

BERITA HARIAN

Rakyat harus hormati Pak Lah

KOTA BHARU: Kesyukuran Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, meneruskan agenda pembangunan di Kelantan membuktikan beliau seorang pemimpin yang adil.

Ahli Parlimen Jeli, Datuk Mustapha Mohamed, berkata rakyat negeri ini harus bersyukur kerana Kelantan terus menikmati pembangunan seperti dirancangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Katanya, tidak timbul soal sama ada projek dirancangan sebelum ini diteruskan atau sebaliknya kerana yang penting Abdullah sudah menyatakan janji untuk meneruskan pembangunan di Kelantan dan negeri lain yang dikuasai pembangkang.

"Rakyat Kelantan harus bersyukur kerana Perdana Menteri tidak meminggirkan negeri ini dengan bertekad meneruskan projek pembangunan terutama melaksanakan semua projek dalam RMK-9.

"Usaha ini untuk kebaikan

rakyat, sekali gus membuktikan beliau adalah pemimpin yang adil dan rakyat Kelantan harus menghormati jasa Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat jurugambar akhbar *The Star* cawangan Kelantan, Sazuki Embong, 44, yang dimasukkan ke Hospital Pakar Perdana (HPP) Kota Bharu, akibat darah tinggi, di sini, semalam.

Mustapha yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno berharap Kerajaan Pas Kelantan turut bersikap telus dan adil dalam membela kepentingan semua pihak di negeri ini.

Katanya, contohnya dalam pengagihan tanah kerana sebelum ini ada laporan mengatakan hanya penyokong Pas di beri perhatian sedangkan pihak lain dipinggirkan.

Isu tanah sensitif di negeri ini dan kita meminta kerajaan negeri berlaku adil dalam menangani perkara iri dengan meluluskan permohonan ini kepada semua pihak," katanya.